

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : PUAN YEO BEE YIN [BAKRI]

SOALAN

PUAN YEO BEE YIN [BAKRI] minta **MENTERI ALAM SEKITAR DAN AIR** menyatakan status terkini penghantaran kontena plastik haram kepada negara asal dan nyatakan negara yang terlibat.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Isu pengimportan dan lambakan kontena yang mengandungi buangan plastik yang kini berada di pelabuhan-pelabuhan negara telah menjadi perhatian sejak Mac 2019. Kerajaan berpendirian bahawa, Malaysia tidak wajar dijadikan *dumping ground* buangan plastik yang kotor dan semua kontena barang dagangan buangan plastik yang didapati melanggar perundangan negara akan dihantar balik ke negara asal.

Ahli-Ahli Yang Berhormat,

2. Sehingga September 2020, sebanyak dua ratus empat puluh enam (246) kontena mengandungi buangan plastik melibatkan dua puluh satu (21) negara telah berjaya dihantar pulang melalui tiga (3) pelabuhan iaitu Pelabuhan Klang, Selangor, Pelabuhan Senari, Kuching, Sarawak dan Pelabuhan Pulau Pinang. Negara yang terlibat dan jumlah kontena yang telah berjaya dihantar pulang ialah, United Kingdom (47), Bangladesh (1), Spain (10), Australia (3), Singapura (7), Jepun (5), USA (55), Belgium (7), German (2), Taiwan (1), Poland (1), Korea Selatan (2), Hong Kong (23), China (3), Sri

Lanka (1), France (48), Portugal (3), Canada (23), Lithuania (1), Arab Saudi (1) dan Vietnam (2). Kontena-kontena dalam proses penghantaran balik ke negara pengeksport adalah sebanyak tujuh puluh dua (72) kontena dan jumlah ini akan sentiasa berubah dari semasa ke semasa memandangkan penguatkuasaan akan dijalankan secara berterusan. Perincian kontena yang mengandungi buangan plastik yang telah dihantar bagi ketiga-tiga pelabuhan tersebut adalah seperti jadual berikut:

**PENGHANTARAN KONTENA SISA PLASTIK SEHINGGA SEPTEMBER
2020**

BIL.	PELABUHAN	NEGARA	BIL. KONTENA	BERAT (kg)
1.	Pelabuhan Klang, Selangor	United Kingdom (UK)	1	22,000
		Bangladesh	1	20,710
		Spain	10	237,220
		Australia	3	68,440
		Singapura	1	22,000
		Jepun	5	390,770
		USA	1	28,000
		Belgium	7	152,820
		German	2	45,360
		Taiwan	1	21,050
		Poland	1	18,900
Korea Selatan	2	30,790		

		Hong Kong	14	290,788
		China	3	61,000
		Sri Lanka	1	21,284
2.	Pelabuhan Senari, Kuching, Sarawak	Amerika Syarikat (USA)	37	702,300
		France	48	991,373
		Singapore	6	146,886
		Canada	12	170,102
3.	Pelabuhan Pulau Pinang	Amerika Syarikat (USA)	17	294,908
		Vietnam	2	38,195
		Portugal	3	73,647
		Canada	11	189,201
		Lithuania	1	20,300
		Arab Saudi	1	22,300
		UK	46	981,278
		Hong Kong	9	192,000
JUMLAH			246	5,253,622

Sekian, terima kasih.